



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

"1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj.Kami : J.Pend.PK.(SM) 2873 Jld.6 (47)

Tarikh : 15 Januari 2018

Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah
Negeri Perak

Tuan,

PENGEMASKINIAN DATA MURID DAN PENETAPAN SUBJEK DAN ALIRAN DALAM APLIKASI PANGKALAN DATA MURID (APDM) DAN e-OPERASI

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat KPM.100-11/2/2 Jld.4 (51) bertarikh 2 Januari 2018 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa proses pengemaskinian maklumat murid telah dibuka mulai 27 Disember 2017. Selain pengemaskinian maklumat murid, proses ini juga termasuklah penetapan subjek dan aliran bagi murid dan kelas di dalam Sub Modul Penetapan Subjek melalui Sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM).

3. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama tuan untuk memaklumkan perkara ini kepada pihak sekolah di bawah kawalan tuan supaya membuat penetapan subjek dan aliran bagi kelas dan murid. Penetapan subjek di dalam APDM ini perlu dilakukan oleh Penolong Kanan 1 dan dibantu oleh Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM). Guru Kelas bertanggungjawab untuk membuat penetapan subjek utama dan pilihan bagi murid dan kelas mereka.


4. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini sila hubungi Encik Zainuddin Bin Mohd Abd. Kadir dan Mohd Rizal Bin Hambali (Unit Sekolah Menengah) di talian 05-5015132 atau Encik Mohd Syafiq Bin Baharom dan Tn. Hj. Ahmad Zaidi Bin Alias (Unit Sekolah Rendah) di talian 05-5015110.

Perhatian dan kerjasama tuan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(AZMI BIN DAHALI)
Ketua Sektor
Sektor Pengurusan Sekolah
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.

s.k. 1. Pengarah Pendidikan Negeri Perak



Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung

